

28/05/1998

Scotiabank minat beli bank di Malaysia

THE Bank of Nova Scotia (Scotiabank), salah satu daripada enam institusi perbankan terbesar di Kanada berminat membeli bank di Malaysia dalam usahanya memperluaskan rangkaian perniagaan di rantau ini.

Pengerusi merangkap ketua eksekutifnya, Peter C Godsoe, berkata pihaknya yang mempunyai asas modal AS\$10 bilion (RM82 bilion) sanggup membawa masuk sebahagian modal itu ke Malaysia bagi membantu memperkukuhkan sistem perbankan tempatan.

"Kita yakin terhadap prospek masa depan ekonomi Malaysia dan memang banyak peluang wujud untuk perniagaan. Kita sependapat dengan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan timbalannya (Datuk Seri Anwar Ibrahim) bahawa Malaysia berupaya mengharungi kegawatan tanpa sokongan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Oleh itu, kami mahu memainkan sebahagian fungsi memperkukuhkan sektor kewangan tempatan," katanya pada sidang akhbar sebaik tiba di ibu negara semalam dan kemudian mengetuai ahli lembaga pengarah Scotiabank menemui Dr Mahathir.

Katanya, hasrat untuk turut memainkan fungsi lebih meluas dalam usaha membantu mengukuhkan sistem kewangan tempatan itu akan turut disampaikan kepada Perdana Menteri dalam pertemuan tertutup itu.

Ditanya bentuk ekuiti diminati dalam pembelian bank kerana dasar kerajaan tidak membenarkan pemilikan asing melebihi 30 peratus dalam institusi perbankan tempatan, Godsoe berkata pihaknya tidak kisah sangat mengenai soal itu tetapi seboleh-bolehnya mahu menguasai pengurusan.

"Kami mahukan majoriti dan kalau boleh 100 peratus. Namun, (jika tidak) kami mahu menguasa pengurusan kerana kami percaya boleh membawa masuk pengurusan profesionalisme dan kepakaran teknologi. Kadar pinjaman tidak berbayar (NPL) kami rendah dan kami boleh membuat keuntungan yang baik. Di Filipina, kita mempunyai ekuiti 40 peratus dalam sebuah bank di sana," katanya.

Katanya, Scotiabank tidak terbabit dalam sebarang perbincangan dengan mana-mana bank tempatan buat masa sekarang tetapi menegaskan bahawa soal pembelian bank tempatan itu bergantung kepada kelulusan kerajaan yang mahukan sistem kewangan dikendalikan bagi kepentingan penduduk tempatan.

Beliau berkata, pihaknya faham dan berkongsi matlamat seperti itu, dengan keadaannya sama seperti di Kanada tetapi Scotiabank bersedia membawa masuk modal dan sanggup mengadakan rundingan lanjut dengan Bank Negara Malaysia serta Kementerian Kewangan.

Scotiabank sudah mempunyai kepentingan di negara ini apabila mula beroperasi di negara ini sejak 1973 dan pada 1994, memperbadankan The Bank of Nova Scotia Bhd (BNS) di Kuala Lumpur.

Dua tahun lalu, Kumpulan Fima Bhd (Fima) pernah mengadakan perbincangan dengan Scotiabank mengenai kemungkinan mengambil alih 51 peratus ekuiti BNS itu setelah kedua-dua pihak mendapat lampu hijau daripada Bank Negara.

(END)